

25 FEB 1997

Badminton-Gelanggang

SITI HASMAH SARAN PEMAJU PERUMAHAN SEDIA DEWAN

TAIPING, 25 Feb (Bernama) -- Pemaaju perumahan disaran membina dewan nuklius di setiap projek perumahan yang dibangunkan sebagai tempat tumpuan golongan muda melakukan aktiviti sukan.

Penaung Yayasan Badminton Malaysia (YBM) Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata selain membantu menaikkan taraf sukan di negara ini, dewan itu dapat mengeratkan hubungan kaum serta mengurangkan gelaja negatif di kalangan remaja.

Setiap kampung, taman perumahan dan sekolah diharap mempunyai dewan seumpama itu menjelang tahun 2000, kata Dr Siti Hasmah, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada pemberita selepas merasmikan projek 1001 Gelanggang Rakyat bagi kawasan Parlimen Bukit Gantang di Matang dekat sini hari ini.

Projek gelanggang itu adalah yang kelima yang dilancarkan selapas Kubang Pasu, Kedah, Permatang Pauh di Pulau Pinang, Seberang Perak di Perak dan Pagoh di Johor.

Gelanggang berharga RM3.24 juta itu dibiayai bersama oleh YBM, Kementerian Belia dan Sukan dan Anggota Parlimen bagi kawasan terbabit.

Dr Siti Hasmah berkata, yayasan itu dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan dan Anggota-anggota Parlimen sudah menyiapkan 30 buah projek gelanggang rakyat itu dan selebihnya dijangka siap menjelang Mei ini.

YBM akan menganjurkan pertandingan badminton peringkat Parlimen pada Julai bagi merebut Piala Siti Hasmah dan hadiah wang tunai yang lumayan.

Dr Siti Hasmah berkata, peringkat kedua projek 1001 gelanggang itu ialah menganjurkan program kejurulatihan kepada pemain-pemain berpotensi di peringkat Parlimen itu bersama-sama Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, kerajaan negeri akan membantu Persatuan Badminton Perak daripada segi kewangan bagi membina pusat latihan yang lengkap.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Presiden BAM Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan yang juga anggota Parlimen Bukit Gantang, Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, Jurulatih badminton Kebangsaan, Morten Frost dan pemain-pemain BAM yang kini menjalani latihan di Ipoh. -- BERNAMA

KSG NMO